

[Home](#)[OC 1Submission](#)[Kriteria Permohonan](#)[Prosedur Permohonan](#)[Panduan Pengemukakan Permohonan](#)[Kriteria Penilaian Permohonan](#)[Senarai Semak Pengemukakan Permohonan](#)[Borang Permohonan](#)[Template Fee/Bayaran](#)[Jabatan/Agensi Terlibat](#)[Hubungi Kami](#)

Kriteria Penilaian Permohonan

Kelulusan Pelan Arkitekural & Pelan M&E

:

Permohonan yang dikemukakan akan diproses berdasarkan beberapa peruntukan perundangan, piawaian, garis panduan dan dasar perancangan semasa. Antara undang-undang yang berkaitan seperti berikut:

1. Keselarasan dengan Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang Undang Kecil Kerja Tanah (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1988

BIL	KRITERIA PENILAIAN	KETERANGAN
1.	Pili Bomba	1. Mengadakan pili bomba jenis tiang pengeluaran dua hala dengan pengeluaran air sebanyak 1000 liter seminit bagi setiap pili bomba 2. Pili bomba sediada hendaklah dalam jarak 91.5 meter dari bangunan cadangan dan berada dalam keadaan baik
2.	Akses Perkakas Bomba	1. Mengadakan akses perkakas bomba dengan kelebaran tidak kurang 6 meter yang boleh menanggung beban 25 tan 2. Kecerunan jalan akses perkakas bomba hendaklah tidak kurang 1:12
3.	Ketinggian Kelegaan	Ketinggian kelegaan hendaklah tidak kurang daripada 5 meter
4.	Pendawaian Elektrik	Semua pendawaian elektrik bagi sistem kecemasan hendaklah dalam konduit logam atau daripada kabel yang mempunyai penebatan mineral tahan api. Pemasangannya hendaklah sepanjang kawasan yang paling kurang risiko kebakarannya dan mematuhi UUK 253(4), UUKBS 1984
5.	Elemen Struktur	Semua elemen struktur hendaklah mempunyai tempoh ketahanan api mengikut jadual kesembilan, UUKBS 1984
6.	Siling Bangunan	Penggunaan siling bangunan hendaklah menepati kehendak-kehendak UUKBS 1984 Jadual Kelapan
7.	Tangga Keselamatan	Semua tangga keselamatan hendaklah dikepung dengan tembok batu bata setebal 100mm atau bagi tangga jenis terbuka mematuhi UUKBS 1984
8.	Pintu Api	Adakan pintu api satu jam atau dua jam. Pemasangannya hendaklah tertutup sendiri dan tertutup rapat
9.	Dinding Bilik Setor	Dinding bagi bilik setor yang disifatkan merbahaya hendaklah setebal 100mm batu bata dan pintunya dari jenis ketahanan api 1 jam
10.	Lubong Perkhidmatan	Semua lubang perkhidmatan hendaklah ditutup disetiap tingkat dengan bahan ketahanan api dua jam



PUSAT SETEMPAT
DEWAN NEGARA SINGAPORE

URUS SETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)

"ONE STOP CENTRE FOR OSC 1SUBMISSION"

[Home](#)

[OC 1Submission](#)

[Kriteria Permohonan](#)

[Prosedur Permohonan](#)

[Panduan Pengemukakan Permohonan](#)

[Kriteria Penilaian Permohonan](#)

[Senarai Semak Pengemukakan Permohonan](#)

[Borang Permohonan](#)

[Template Fee/Bayaran](#)

[Jabatan/Agensi Terlibat](#)

[Hubungi Kami](#)

Kriteria Penilaian Permohonan

Kelulusan Pelan Arkitektural & Pelan M&E :

BIL	KRITERIA PENILAIAN	KETERANGAN
11.	Bilik TNB/ Transformer	Semua bilik bagi penempatan pam bomba hendaklah dibina dari tembok batu bata ketahanan api 4 jam. Pintu-pintunya hendaklah ketahanan api dua jam
12.	Bilik Janakuasa	Semua bilik janakuasa hendaklah dibina dari tembok batu bata ketahanan api satu jam
13.	Dinding Dua Pihak	1. Dinding dua pihak hendaklah dari jenis batu bata setebal 200mm jenis yang menanggung beban dan 100mm yang tidak menanggung beban. 2. Dinding ini hendaklah dinaikkan 225mm melebihi paras bumbung atau mematuhi rekabentuk yang dipersetujui oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
14.	Dinding Pembahagi Dalaman	Semua dinding pembahagi dalaman hendaklah dari jenis rintangan api ½ jam dan dari jenis yang diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
15.	Dinding Pengasing	Dinding pengasing antara kilang dan pejabat hendaklah setebal 200mm dan dinaikkan hingga ke paras bumbung seperti yang ditandakan di dalam pelan
16.	Dinding Pembalik	Mengadakan dinding pembalik pada dinding yang mengepung tangga tunggal di pintu masuk utama sepanjang 450mm
17.	Ruangan Lobi Lif	Ruangan lobi lif hendaklah dibina dari bahan ketahanan api dua jam dan dilindungi dengan alat pengesan asap mengikut UUKBS 1984
18.	Saluran Bantu Mula	Adakan saluran bantu mula mengikut Piawaian Malaysia MS 1489 : Part 1 dan peruntukan dalam UUKBS 1984
19.	Penggera Kebakaran	Adakan penggera kebakaran jenis pecah kaca mengikut Piawaian Malaysia MS 1746 : Part 14 dan peruntukan dalam UUKBS 1984
20.	Lampu Tanda Keluar	Adakan lampu KELUAR kecemasan mengikut Piawaian Malaysia MS 985 pada tangga keselamatan dan laluan jalan keluar
21.	Lampu kecemasan	Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan sepertimana yang ditandakan di dalam pelan
22.	Alat Pemadam Api Mudah Alih	Adakan alat pemadam api mudah alih yang bersesuaian mengikut Piawaian Malaysia MS 1539 : Part 3
23.	Sistem Pemasangan Tetap Gas	Adakan sistem pemasangan tetap gas mengikut Piawaian Malaysia berkaitan atau mana-mana penentuan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bagi bilik TNB, Transformer dan genset



PUSAT SETEMPAT
DEWAN NEGARASARAWAK KUALA LUMPUR

URUS SETIA PUSAT SETEMPAT (OSC)

“ONE STOP CENTRE FOR OSC 1SUBMISSION”

[Home](#)

[OC 1Submission](#)

[Kriteria Permohonan](#)

[Prosedur Permohonan](#)

[Panduang
Pengemukakan
Permohonan](#)

[Kriteria Penilaian
Permohonan](#)

[Senarai Semak
Pengemukakan
Permohonan](#)

[Borang Permohonan](#)

[Template Fee/Bayaran](#)

[Jabatan/Agensi Terlibat](#)

[Hubungi Kami](#)

Kriteria Penilaian Permohonan

Kelulusan Pelan Arkitektural & Pelan M&E :

BIL	KRITERIA PENILAIAN	KETERANGAN
24.	Peringatan	<ol style="list-style-type: none">Segala syarat yang dikemukakan adalah tertakluk kepada rekabentuk dan kegunaan serta lokasi bangunan tersebut. Sekiranya sebarang perubahan yang dilakukan ke atas rekabentuk atau kegunaannya seperti yang dicatatkan di atas pelan maka hendaklah dirujuk ke jabatan ini untuk dikaji semulaSegala pemilihan bahan dan penggunaannya yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran bagi projek cadangan serta sistem pencegahan kebakaran hendaklah mematuhi UUKBS 1984 dan pertauran-pertauran yang diterima sahaja dan yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat MalaysiaPengesahan pelan ini adalah tidak tertakluk kepada penyimpanan, penggunaan, pemerosesan dan penghasilan bahan berbahaya atau bahan kimia berbahaya setelah pelan disahkan maka pelan bangunan tersebut hendaklah dirujuk kembali ke jabatan ini untuk dikaji semulaPelan lukisan dan pengiraan bagi semua pemasangan tetap hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jumlah pelan-pelan yang dikemukakan hendaklah dua perenggu.

***Nota:**

Terpakai untuk projek berskala kecil (fast lane)

- Kediaman kecil tidak melebihi 4 unit
- Dewan serbaguna tidak melebihi 3 tingkat
- Tadika / Taska tidak melebihi 3 tingkat
- Rumah kedai tidak melebihi 3 tingkat, fast food tidak melebihi 3 tingkat, ruang pameran perabot tidak melebihi 3 tingkat, ruang pameran kereta tidak melebihi 3 tingkat, ruang pameran alatan pejabat tidak melebihi 3 tingkat – jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi
- Kilang tidak melebihi 3 tingkat
- Rumah ibadat
- Rumah kelab tidak melebihi 3 tingkat
- Bangunan kemudahan awam tidak melebihi 3 tingkat
- Sub stesen TNB
- Gudang / Stor tidak melebihi 3 tingkat